

15/02/2001

Giliran KM: Pemimpin kemuka pendirian

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Rabu - Semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) yang berpangkalan di Sabah, hari ini secara rasmi mengemukakan pendirian masing-masing mengenai sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri negeri itu, kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini akan membolehkan Perdana Menteri membuat keputusan muktamad sama ada sistem yang sudah dimulakan sejak 1994 itu diteruskan atau dimansuh selepas menimbang pandangan mereka.

Bagaimanapun, belum ada pengumuman rasmi dibuat mengenai perkara itu dan dipercayai Dr Mahathir sendiri akan mengumumkannya dalam tempoh terdekat ini, memandangkan tempoh Ketua Menteri sekarang, Datuk Osu Sukam akan berakhir bulan depan.

Bercakap kepada pemberita selepas menemui Dr Mahathir selama kira-kira sejam di sini petang ini, Osu berkata, Umno negeri itu memberi mandat kepada Dr Mahathir untuk membuat keputusan berhubung sistem penggiliran jawatan itu.

"Kita beri mandat kepada Perdana Menteri untuk memutuskan perkara ini," katanya yang juga Ketua Badan Perhubungan Umno Sabah dan pengerusi BN negeri itu.

Ketika ditanya sama ada pemuafakatan dicapai mengenai isu penggiliran jawatan Ketua Menteri, Osu berkata perkara itu perlu ditanya kepada Perdana Menteri.

Ditanya mengenai bila Perdana Menteri dijangka membuat pengumuman mengenai perkara itu, beliau berkata: "Kena tanya PMLah".

Sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah diperkenalkan pada 1994 bagi mewujudkan kestabilan politik Sabah dengan menggilirkan jawatan Ketua Menteri di kalangan tiga kaum utama setiap dua tahun.

Ia didahului dengan kuota Bumiputera Islam dengan penyandangannya Tun Sakaran Dandai (sekarang Yang Dipertua Negeri) dan Datuk Salleh Tun Said, kemudian Cina (Datuk Yong Teck Lee) dan Bumiputera Bukan Islam (Tan Sri Bernard Dompok).

Selepas pilihan raya negeri 1999, sistem itu diteruskan dan Osu dilantik sebagai Ketua Menteri sehingga hari ini. Penggal dua tahunnya dijadualkan tamat pada 13 Mac ini.

Bagaimanapun, banyak pihak di Sabah mendesak supaya sistem itu dimansuhkan kerana agak kurang praktikal.

Selain itu, lima lagi pemimpin BN Sabah turut menemui Dr Mahathir secara berasingan hari ini bermula jam 3 petang. Selain Umno Sabah, pemimpin lain mewakili Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Bersatu (Upko), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Liberal Demokratik (LDP) dan Angkatan Keadilan Rakyat Sabah (Akar).

Osu adalah yang terakhir sekali menemui Dr Mahathir sebelum keluar dari perkarangan pejabat Perdana Menteri pada kira-kira jam 6.45 petang setelah perbincangan selama sejam.

Yang lain ialah Presiden Upko, Tan Sri Bernard Dompok; Presiden LDP, Datuk Chong Kah Kiat; Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee; Presiden PBRs, Tan Sri Joseph Kurup dan Presiden Akar, Datuk Pandikar Amin Mulia.

Bagaimanapun, kecuali Osu, pemimpin lain enggan bercakap kepada pemberita yang menunggu di luar pagar perkarangan pejabat Perdana Menteri sejak jam 2 petang lagi. Sebelum itu, Dr Mahathir menghadiri jamuan tengah hari bersama Menteri Kabinet di Cyberlogde.

BN Sabah turut dianggotai tiga lagi parti komponen iaitu Gerakan, MCA

dan MIC. Bagaimanapun, Dr Mahathir hanya menemui pemimpin parti komponen BN yang berpangkalan di Sabah.

Osu ketika ditanya sama ada pertemuan pemimpin BN Sabah dengan Perdana Menteri untuk berbincang isu itu adalah yang terakhir sebelum keputusan muktamad diumumkan atau diteruskan selepas ini, berkata:

"Saya tak tahu kerana itu adalah hak Perdana Menteri. Biarlah Perdana Menteri memutuskan perkara ini," katanya.

Osu berkata, beliau dan Dr Mahathir berbincang mengenai hal-hal pentadbiran dan lawatan Perdana Menteri ke Sabah baru-baru ini.

(END)